

13 AUG 2000

PM DAN ISTERI DENDANG LAGU "HATI KE HATI"

LANGKAWI, 13 Ogos (Bernama) -- Seramai kira-kira 500 peserta yang menyertai Kejohanan Badminton Piala Perdana 2000 malam ini dihiburkan dengan nyanyian paduan suara oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada majlis itu.

Dr Mahathir mendendangkan lagu berjudul "Hati ke Hati" yang dipopularkan oleh Omar Suwita dan Rafeah Buang pada tahun 1960an.

Penonton berdiri sambil memberikan tepuk sanjungan kepada Dr Mahathir dan Siti Hasmah selepas mereka menyampaikan lagu dan turun dari pentas menuju ke meja khas.

Yang turut hadir ialah Timbalan Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) Datin Seri Hendon Mahmood, Menteri Besar Kedah Datuk Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Dr Helmi Yahaya.

Para hadirin turut dihiburkan dengan tarian kebudayaan dan nyanyian oleh Kumpulan Badan Kesenian Kedah.

Dr Mahathir berada di sini untuk lawatan rasmi tiga hari sebelum berlepas ke Alor Setar esok untuk melancarkan buku bertajuk Che Det dan Pekan Rabu.

-- BERNAMA

NH LAT